

**BENKEL REKABENTUK SENI REKAAN AKSESORI
HIASAN, KERJASAMA MRM - MARA NEGERI PERLIS**

Usaha Memantapkan Usahawan Kecil Tempatan

**KURSUS AUTOCAD -
FITEC 2007**

Kursus Khas Untuk Pereka

infomrm

INFO MAJLIS REKABENTUK MALAYSIA ★ DISEMBER 2007

◉ pertandingan
rekabentuk



dining in 2015

Pernakah anda terfikir untuk mengubah peralatan memasak yang biasa anda gunakan? Apa kata cuba bakat anda dalam pertandingan rekabentuk anjuran **designboom** dan **MACEF** yang bertemakan 'dining in 2015'.

Penyertaan adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang kreatif dan inovatif. Idea yang terpilih akan menerima pelbagai ganjaran istimewa seperti hadiah wang tunai serta peluang untuk mempamerkan rekaan mereka di Pameran Musim Bunga MACEF, oleh Feira Milano International di Milan, Itali pada Januari tahun hadapan. Selain itu,

rekaan paling menarik juga akan dikomersialkan oleh syarikat-syarikat pengeluar terpilih.

Di antara kategori pertandingan ini ialah alatan kutleri, pinggan mangkuk, perkakasan memasak dan yang berkaitan untuk kegunaan sama ada di rumah, restoran, pejabat dan sebagainya.

© Kepada yang berminat, sila hantarkan idea anda yang asli, tidak pernah dikomersialkan mahupun didedahkan kepada mana-mana pihak kepada pihak penganjur sebelum **10 Disember 2007**. Untuk maklumat lanjut mengenai pertandingan, sila lawati laman web www.designboom.com

macef
milano
designboom

◉ pertandingan rekabentuk "dining in 2015"



TARIKH
10 -14 Disember 2007

TEMPAT
Makmal Latihan,
ICT FITEC

Kursus AutoCad - FITEC 2007

FITEC menawarkan kursus lanjutan bagi perisian AutoCad tahap II (pertengahan) khas untuk para pereka yang berminat untuk menambah dan meningkatkan pengetahuan mereka dalam bidang rekabentuk. Para peserta kursus akan diberikan latihan teori sebanyak 30% dan menjalani 70% latihan praktikal bagi memantapkan lagi pemahaman mereka. Yuran penyertaan kursus ialah sebanyak RM400.00 merangkumi penginapan, makan minum serta bahan kursus sepanjang program berlangsung.

Kepada yang berminat, sila hubungi:


En. Roslan Kadir
Koordinator Jabatan Latihan
Furniture Industry Technology Centre (FITEC)
Off KM 13, Jalan Batu Caves, 68100 Kuala Lumpur
TEL 03-6187 6195 / 6196
FAKS 03-6187 6198
E-MEL roslan@fitec.com.my

TARIKH
3 - 6 Disember 2007

TEMPAT
Dewan MARA
Negeri Perlis

Bengkel Rekabentuk Seni Rekaan Aksesori Hiasan, Kerjasama MRM - MARA Negeri Perlis

Bengkel dianjurkan khas untuk meningkatkan tahap kemahiran rekabentuk para usahawan kecil dan sederhana dalam bidang rekabentuk aksesori hiasan di negeri Perlis. Para peserta akan dibimbing oleh fasilitator profesional yang diundang khas bagi membantu mereka meneroka pelbagai perspektif baru dalam menghasilkan aksesori hiasan yang menarik, berkualiti serta mempunyai nilai komersial yang tinggi di pasaran. MRM dan MARA berharap agar ramai peserta mengambil peluang untuk mengikuti bengkel ini bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan tempatan yang berdaya saing dan berjaya khususnya di negeri Perlis.



Anugerah Pereka Muda Malaysia 2008 Nantikan Pelancarannya!




Untuk keterangan lanjut dan borang penyertaan, layari laman web MRM di www.mrm.gov.my

Nilai hadiah kini lebih hebat sumbangan



KOLEKSI BUKU REKABENTUK



TAJUK
Young Designers
Americas
PENGARANG
Ralf Daab

Golongan pereka di benua Amerika memiliki pelbagai latar belakang yang menarik dan berbeza. Kekayaan budaya dan keunikan cara hidup mereka telah mencetuskan variasi dan kreativiti dalam rekaan yang dihasilkan. Walaupun berlainan dari segi pemikiran dan olahan idea, pereka-pereka dari Amerika ini tidak gentar untuk melahirkan rekabentuk yang ideal dari segi estetika. Modernisasi yang melanda dunia tidak menjejaskan penggunaan dan aplikasi tradisional serta kualiti seni yang dihasilkan. Buku ini menerangkan dengan jelas kepelbagaian idea yang memberangsangkan oleh pereka-pereka muda Amerika.



TAJUK
Medical Design
PENGARANG
Ralf Daab

Konsep senibina berkaitan perubatan seperti projek hospital, pejabat doktor, farmasi dan institusi kesihatan berteraskan kepada pegangan bahawa sebuah bangunan perubatan perlu mempunyai persekitaran yang selesa untuk pesakit dan kakitangan, seterusnya membantu kepada proses pemulihan atau penyembuhan. Buku ini mempamerkan kesan senibina yang moden dan berkualiti tinggi ke atas bangunan-bangunan perubatan, di samping pandangan mengenai masa depan sektor tersebut. Terdapat lebih 60 projek dari seluruh dunia yang diketengahkan, lengkap dengan gambar, diagram dan pelan lantai untuk gambaran lebih jelas mengenai rekabentuk perubatan.



TAJUK
Materials (For
Inspirational Design)
PENGARANG
Chris Lefteri

Buku ini sememangnya amat menarik dari segi visual dan ianya lengkap dengan keterangan terperinci, pandangan pakar, temuramah dengan para pereka dan pengilang serta informasi teknikal yang praktikal. Antara bidang yang disentuh merangkumi senibina, senireka dalaman, rekabentuk produk, rekabentuk perabot, rekabentuk barang kemas dan fesyen, produk kesihatan, peralatan sukan serta industri angkasa lepas. Kesimpulannya, buku ini sangat sesuai dijadikan rujukan kepada para pereka dalam menghasilkan rekabentuk yang unik dan berinspirasi.

PENGIKTIRAFAN REKABENTUK MRM



MALAYSIA GOOD DESIGN MARK 2007

Pengiktirafan Rekabentuk yang paling berprestij untuk rekabentuk produk yang baik dan berkualiti, hasil rekaan dan keluaran tempatan, khusus untuk industri pembuatan / pengilang di Malaysia

PERMOHONAN DIBUKA

TARIKH TUTUP PENYERTAAN • 30 JUN & 30 OKTOBER SETIAP TAHUN

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi

Zuljar Jaafar, Eksekutif Kanan (Promosi Rekabentuk) Majlis Rekabentuk Malaysia di talian : **03-2161 9440** atau e-mel di zuljar@mrm.gov.my



perluukan liputan?

Kami memberikan peluang kepada anda untuk mengumumkan dan menghebahkan sebarang aktiviti dan program berkaitan bidang rekabentuk yang dianjurkan oleh pihak anda. Dapatkan liputan yang meluas untuk semua aktiviti rekabentuk anjuran organisasi anda seperti seminar, pameran, pelancaran produk dan lain-lain lagi menerusi ruang kosong yang diperuntukkan di dalam **infoMRM** ini secara **PERCUMA!**

Nikmati liputan **PERCUMA** menerusi **infoMRM** yang diedarkan melebihi 2000 naskah kepada agensi kerajaan, persatuan rekabentuk, industri, IPT tempatan dan organisasi berkaitan bagi setiap keluaran.

nama _____ jawatan _____

syarikat _____

no. talian _____ e-mel _____

cadangan/komen

Anda berminat untuk menjadi sebahagian daripada senarai kami?

infoMRM merupakan penerbitan terkini Majlis Rekabentuk Malaysia mengenai liputan pelbagai aktiviti berkaitan rekabentuk seperti pameran, pelancaran produk, seminar, pameran hasil karya pelajar rekabentuk tahun akhir dan lain-lain lagi dari pelbagai sektor rekabentuk di Malaysia. Ianya juga merupakan wahana untuk pertukaran maklumat dan perkembangan bidang rekabentuk tanah air. Untuk menyertai info ini, anda perlu menyediakan sinopsis program sebanyak 200 patah perkataan beserta imej dan gambar yang berkaitan untuk diterbitkan. Sertailah kami untuk mempromosikan aktiviti rekabentuk dan memperkenalkan organisasi anda dengan lebih berkesan!

Semua informasi adalah benar semasa penerbitan. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi sekretariat MRM.

MAJLIS REKABENTUK MALAYSIA (MRM)

Tingkat 6, Bangunan MIDF,
No. 195A, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.

TEL 03-2161 9440 / 2161 0968

FAKS 03-2163 6581

E-MEL info@mrm.gov.my